

21 NOV 1998

Mahathir-Resort/I

DR MAHATHIR MERASMIKAN MARINA BAY RESORT

PULAU PANGKOR LAUT, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pusat percutian eksklusif Marina Bay di sini dengan harapan lebih ramai pelancong akan datang ke Malaysia untuk menikmati keindahan semulajadinya.

Resort itu yang terdiri daripada sembilan "estet" dalam hutan hujan tropika yang berusia lebih dua juta tahun terletak di Marina bay di bahagian utara pulau seluas 121 hektar itu.

Majlis perasmian itu merupakan sebahagian daripada lawatan dua hari Perdana Menteri ke Perak. Beliau tiba di Ipoh pagi ini.

Dalam ucapannya Dr Mahathir berkata beliau yakin yang keindahan semulajadi pulau itu akan menarik pelawat.

"Kita memerlukan lebih banyak pelancong datang ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pelancong tidak harus dibebani kos tinggi semasa berada di Malaysia.

Dr Mahatir berkata, para pelawat ke resort itu akan dapat menikmati persekitaran berusia dua juta tahun.

Resort eksklusif yang dimajukan oleh YTL Corporation Berhad menawarkan kemudahan percutian mewah pada harga daripada RM5,700 (AS\$1,500) kepada RM9,500 (AS\$2,500), dengan tetamu menikmati kemewahan dan alam semula jadi asli.

Estet itu terdiri daripada, kediaman tiga atau empat bilik, kemudahan bermandi manda di luar, pavilion untuk makan minum, tanam tropika dan banyak lagi.

Perdana Menteri berkata, beliau difahamkan yang resort itu telahpun menerima banyak tempahan.

Beliau juga yakin yang YTL akan memastikan resort itu yang terbaik di negara ini.

-- BERNAMA

MAM PR